

TEKS UCAPAN

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN TONG KITAR SEMULA KEPADA
SEKOLAH TADIKA
23 JUN 2015 (SELASA), JAM 2:00 PETANG
DI AUDITORIUM, MPSP**

.....

Yang Dihormati Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud**
Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Seberang Perai i

Yang Dihormati **Encik Ooi Chao Syhuan,**
District Governor 2014-2015, Lions Club International

Ketua-Ketua Jabatan

Guru-guru Sekolah Tadika

Para Wakil Media

Para hadirin yang saya hormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat
petang.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk Majlis Penyerahan Tong Kitar Semula kepada Sekolah Tadika. Ribuan terima kasih diucapkan kepada guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis ini.

Guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

MPSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ooi Chao Syhuan, District Governor 2014-2015, Lions Club International kerana telah menaja Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika sejak tahun 2014 dan tahun ini merupakan tahun yang kedua Lions Club International bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika.

Pada tahun 2014, sebanyak 46 buah sekolah tadika telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam program kitar semula. Manakala untuk tahun 2015 bilangan yang mendaftar ialah 60 buah sekolah tadika. Terdapat peningkatan penyertaan sebanyak 30%. Untuk makluman semua tadika di seluruh

Seberang Perai terdapat sebanyak 199 tadika swasta yang berdaftar dengan mpsp dan 78 buah tadika perpaduan. Saya dimaklumkan bahawa tadika yang mengambil bahagian adalah dari tadika perpaduan.

Gabungan Kelab Lion Pulau Pinang telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kutipan barang kitar semula dengan memberi tong untuk mengisi bahan plastik. Pemberian tong kitar semula pada hari ini adalah untuk sekolah-sekolah tadika yang menyertai program ini pada tahun 2014.

Para hadirin sekalian,

Sekolah Tadika merupakan tempat paling tepat untuk membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Ini adalah kerana di peringkat prasekolahlah (tadika) keperibadian dan persepsi anak-anak kita terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan. Apabila sudah dewasa atau keluar dari alam persekolahan, seorang yang telah dilatih lebih awal untuk menghargai dan menjaga alam sekitar akan dapat membudayakan amalan ini tanpa perlu dilatih lagi. Bak kata pepatah “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”. Sekolah juga dianggap sebagai

rumah kedua (selama 4 jam) bagi setiap pelajar dapat memupuk mereka mempraktikkan amalan mesra alam seawal usia muda dan dapat memastikan kesinambungannya sehingga mereka dewasa kelak.

MPSP berharap tong sampah yang terletak di luar pagar sekolah yang mengandungi sampah yang perlu diangkat oleh pekerja MPSP tidak diperlukan lagi suatu hari nanti kerana sekolah-sekolah tadika telah mengamalkan dan membudayakan kitar semula dan sisa sifar (zero waste).

Untuk makluman semua, pada tahun 2014, sebanyak 234,805 tan bahan-bahan kitar semula berjaya dikumpul dan dikitar semula. Antara bahan kitar semula yang dikumpul adalah 70% jenis kertas dan 8% ialah bahan plastik. Jika kita tinjau di tong-tong sampah, kita boleh lihat masih banyak bahan plastik terutamanya bungkus makanan yang sekali pakai dan buang.

Dalam bulan Mei 2015, MPSP telah berjaya mencapai kadar kitar semula sebanyak 38.11%. Tonnage kitar semula pada bulan Mei ialah 19,169.99 tan dan jumlah beratan sampah di TPAJ & TPPB (termasuk jumlah kitar semula) ialah 57,358.409 tan. Dengan

menjalankan kitar semula, kita berjaya menjimatkan kos sebanyak RM387,233.79 (19,169.99 tan x RM20.20/tan) untuk *tipping fee*. Kita bukan saja dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah malah kita juga dapat menggunakan peruntukan tersebut untuk menyediakan kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan penduduk Seberang Perai.

Para hadirin sekalian,

Melalui promosi 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse & Recycle* adalah aktif dijalankan oleh MPSP. Setiap lapisan masyarakat, bermula dengan diri sendiri, kita wujudkan masyarakat yang kurang mengeluarkan sisa, atau menjana sisa (sisa sifar – *rethink*) menjalankan program kitar semula bagi sisa yang dijana dan membudayakan kitar semula dalam kehidupan seharian kita.

Di Yokohama dan Kawasaki (Jepun) mereka telah membudayakan kitar semula (*making as a culture*). Semasa lawatan saya ke Kawasaki dan Yokohama, mereka memberikan penekanan yang tinggi kepada pelajar-pelajar prasekolah akan pentingnya menjaga alam sekitar. Semasa membentangkan kertas kerja di Yokohama dan Kawasaki, mengenai projek hijau bersama murid-murid tadika

dan pelajar sekolah rendah dan menengah mereka menyatakan *"We are the right track to invest in school"*.

MPSP akan terus memberi latihan kepada guru tadika dan murid tadika dalam program kitar semula dan kempen makan sampai habis. Pada tahun ini, latihan telah diberikan kepada guru tadika Perpaduan SPT, bengkel kitar semula dan pengkomposan untuk murid dan waris di Nibong Tebal, murid-murid tadika di Butterwoth dan guru-guru tadika SPS.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua sekolah tadika yang mengambil bahagian dan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Ooi Chao Syhuan, District Governor 2014-2015, Lions Club International kerana telah menaja tong-tong Kitar Semula kepada Sekolah Tadika pada hari ini.

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua umat Islam yang telah mula berpuasa.

Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.